

**Najib Berbuka Puasa Bersama Masyarakat Johor Esok  
Bernama  
5 Ogos, 2012**

JOHOR BAHARU, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual menghadiri majlis tadarus, khatam Al-Quran dan berbuka puasa bersama masyarakat Johor esok.

Setiausaha Umno Perhubungan negeri Johor Datuk Ahmad Zahri Jamil berkata Perdana Menteri akan menghadiri majlis itu di Masjid Jamek Tan Sri Ainuddin Wahid, Taman Universiti di sini bersama 5,000 penduduk dari kawasan sekitar.

"Turut hadir di majlis tersebut Menteri Besar Datuk Abd Ghani Othman," katanya kepada Bernama ketika dihubungi hari Ahad.

Beliau berkata selepas majlis berbuka dan solat Maghrib, Najib dijadual menunaikan solat Isyak serta bertarawih sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685764>